

Projek Kwasa Damansara RM400j

■ KUALA LUMPUR 4 MAC

KWASA Development (3) Sdn. Bhd. dan Impiana Land & Development Sdn. Bhd. membangunkan projek perumahan R3-2 di Kwasa Damansara dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM400 juta.

Pengarah Urusan Kwasa Land, Datuk Mohd. Lotfy Mohd. Noh berkata, GDV berkenaan adalah nilai setelah mengambil kira kadar diskaun tujuh peratus untuk pembeli Bumiputera.

Katanya, kedua-dua syarikat yang merupakan pemaju Bumiputera pertama di kawasan itu, telah memeterai Perjanjian Hak Pembangunan bagi membangunkan projek di atas tanah seluas 3.56 hektar.

"Jumlah keseluruhan pen-

dapatan yang bakal diperolehi Kwasa Land pada akhir pembangunan ini sebanyak RM65 juta bersamaan RM170 bagi setiap kaki persegi.

"Jumlah berkenaan termasuk jumlah perkongsian sebanyak lima peratus hasil daripada penjualan unit rumah yang dibangunkan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Perjanjian telah ditandatangani oleh Mohd. Lotfy dan Pengarah Urusan Impiana Land & Development, Datuk Haris Onn Hussein disaksikan oleh Pengerusi Kwasa Land, Tan Sri Samsudin Osman serta penasihat korporat Impiana Land & Development, Datuk Ghazi Ishak.

Kwasa Development merupakan anak syarikat milik penuh Kwasa Land.

Pembangunan di atas tanah

berstatus pegangan bebas itu terdiri daripada 396 unit kondominium, 20 unit 'park homes' dan 20 unit penthouse dengan harga bermula dari RM650,000 seunit.

Konsep pembangunan R3-2 bakal mencerminkan gaya hidup sihat dan berkualiti dengan reka bentuk strategik yang melangkaui konsep pembangunan tradisional sedia ada.

Ciri-ciri reka bentuk R3-2 yang lestari dan mampan akan menyumbang kepada penyelenggaraan bangunan yang minimum dan lebih responsif terhadap inisiatif teknologi hijau seperti kecekapan tenaga.

Sememangnya, R3-2 akan menjadi pemangkin kepada bandar Kwasa Damansara, memandangkan pelancarannya yang hampir serentak dengan pembangunan Pusat Bandar MX-1 oleh MRCB.